



## **PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN BANDAR (PPKB) MAJLIS DAERAH PENDANG**

### **a) Apakah yang dimaksudkan dengan PPKB?**

PPKB merupakan program yang dilaksanakan untuk mengurangkan beban tanggungan keluarga miskin di Bandar serta meningkatkan keupayaan dan kualiti hidup keluarga miskin di bandar demi kesejahteraan komuniti.

### **b) Siapakah kumpulan sasar yang layak menerima bantuan PPKB?**

Kumpulan sasar PPKB adalah terdiri daripada isi rumah dari golongan B40 yang berstatus warganegara dan status kemiskinan yang telah disahkan dalam Sistem eKasih atau Mesyuarat Focus Group Peringkat Negeri atau Daerah atau seperti yang diarahkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

### **c) Apakah Sistem e-Kasih?**

Sistem eKasih adalah sistem yang dibangunkan oleh Unit Penyelarasaran Pelaksanaan (ICU,JPM) merupakan Bank Data Kemiskinan Nasional yang mengandungi maklumat mengenai kemiskinan bermula dari profil individu, program/bantuan yang diterima oleh Ketua Isi Rumah (KIR) dan Ahli Isi Rumah (AIR) daripada agensi pemberi bantuan sehingga kepada permohonan bantuan dan pemantauan keberkesanan program / bantuan yang diterima.

### **d) Apakah yang dimaksudkan dengan KIR dan AIR?**

KIR ditakrifkan sebagai seseorang dalam kalangan ahli isi rumah sesuatu tempat kediaman yang bertanggungjawab terhadap kebajikan ahli isi rumah di mana dia tinggal. Manakala AIR adalah mereka yang dianggap sebagai penghuni biasa di tempat kediaman yang dipilih.

### **e) Apakah program-program dibawah PPKB?**

- i) Program Baik Pulih Rumah Di Bandar (PBPR)
- ii) Program Bina Baharu Rumah Di Bandar (PBBR)

**f) Apakah matlamat Program Baik Pulih Rumah Di Bandar?**

Menyediakan tempat kediaman yang selesa dan selamat untuk dihuni bagi menyumbang kepada kehidupan yang berkualiti dan sejahtera.

**g) Apakah kriteria kelayakan bagi pemilihan peserta program ini?**

<b>KRITERIA PEMILIHAN PESERTA</b>	
<ul style="list-style-type: none"><li>• KIR yang menetap dalam kawasan operasi PBT</li><li>• Warganegara Malaysia</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Rumah daif di Bandar yang mengalami kerosakan kecil disebabkan faktor usia atau musibah seperti kebakaran, banjir atau ribut.</li></ul>
<ul style="list-style-type: none"><li>• KIR yang disahkan status kemiskinan dalam Sistem e-Kasih sama ada miskin tegar/miskin/mudah miskin / terkeluar daripada (kumpulan B40) sahaja</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Rumah masih boleh diduduki dan masih ekonomik untuk dibaiki</li></ul>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Bagi yang tidak berdaftar dalam Sistem e-Kasih, KIR hendaklah disahkan dalam Mesyuarat Fokus Group Pembasmian Kemiskinan Peringkat Negeri atau Daerah</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Jenis rumah yang layak untuk dibaik pulih ialah rumah sesebuah / berkembar / teres (landed property) sahaja</li></ul>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Kadar bantuan maksimum adalah RM 20,000 bagi seisi rumah bermula tahun 2024</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Skop pembaikan hanya merangkumi komponen-komponen asas rumah sahaja seperti bumbung, dinding, lantai, tingkap serta tidak melibatkan struktur asas rumah.</li></ul>

**h) Apakah matlamat Program Bina Baharu Rumah Di Bandar?**

Menyediakan tempat kediaman yang selesa dan selamat untuk dihuni bagi menyumbang kepada kehidupan yang berkualiti dan sejahtera.

**i) Apakah kriteria kelayakan bagi pemilihan peserta program ini?**

<b>KRITERIA PEMILIHAN PESERTA</b>	
<ul style="list-style-type: none"><li>• Memiliki tanah kosong atas nama sendiri dan jika tidak memiliki tanah sendiri, KIR perlu mendapatkan kebenaran bertulis daripada tuan tanah / waris berkenaan.</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kadar bantuan maksimum adalah sebanyak RM 85,000.00 bagi pemohon di Semenanjung Malaysia.</li></ul>

- |  |  |
|--|--|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• KIR / AIR benar-benar memerlukan bantuan bina baharu rumah disebabkan oleh kerosakan teruk / daif dan musnah akibat bencana seperti banjir atau ribut.</li></ul> | <ul style="list-style-type: none"><li>• Jenis-jenis rumah yang dibenarkan untuk bantuan bina baharu rumah di bandar ialah jenis rumah sesebuah sahaja.</li></ul> |
|--|--|

**j) Borang permohonan boleh di perolehi melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat Majlis Daerah Pendang.**

**Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi :**

Jabatan Pembangunan Masyarakat,  
Majlis Daerah Pendang,  
Wisma MDP,  
06700 Pendang, Kedah.

No telefon : 04-7596077 sambungan 208  
No. Faks : 04-7596709  
E-mel : admin@mdpendang.gov.my